

22 SEP 2001

Konvensyen-Umno (Zainuddin)

KEMENANGAN BN DAN UMNO BERGANTUNG KEPADA MENTERI BESAR

BUKIT MERAH, 22 Sept (Bernama) -- Kemenangan Barisan Nasional (BN) dan Umno pada pilihan raya umum akan datang bukannya bergantung kepada pucuk pimpinan di peringkat pusat sahaja, tetapi lebih kepada Menteri-Menteri Besar, kata Setiausaha Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

Katanya, ia tidak bergantung kepada Perdana Menteri tetapi kaliber, kelakuan, tindak tanduk dan pendekatan yang digunakan oleh seseorang Menteri Besar.

"Inilah sebenarnya yang akan menentukan kemenangan. Yang lebih dekat dengan akar umbi adalah Menteri Besar," katanya ketika membentangkan kertas kerja "Imej Umno: Dahulu dan Sekarang" di Konvensyen Umno Perak di sini, hari ini.

Bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu itu berkata, ini bukannya masa untuk terus mengangap musuh itu sebagai musuh, tetapi cuba menukar musuh menjadi rakan.

Zainuddin juga berkata ahli-ahli Umno tidak harus merasa rendah diri dan menganggap apa yang dilakukan selama ini "salah" semata-mata kerana ia dianggap begitu oleh parti-parti pembangkang.

"Mengapa tiba-tiba rasa semua yang dilakukan mereka salah. Soal kroni, menunjukkan kekayaan dan lain-lain dibangkitkan pada semua pilihan raya sebelum ini...apakah salah selepas 44 tahun merdeka, Umno tidak boleh memperkayakan orang-orang Melayu," katanya.

Zainuddin berkata ahli-ahli Umno tidak sepatutnya terikut-ikut dengan tindak-tanduk pembangkang yang memperkecilkan jasa Umno selama ini, terutamanya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, tanpa disedari ramai, Dr Mahathir telah membangkitkan semangat persaingan dan meninggikan martabat bangsa setanding dengan negara-negara lain, terutamanya Singapura sedangkan pembangkang hanya pandai membuat teriakan kosong.

"Dulu orang Barat pandang kita rendah, orang kita pun banyak pergi ke Singapura untuk membeli-belah, tengok bangunan pencakar langit. Tapi hari ini berjuta-juta umat Islam dari negara lain datang mencari pekerjaan di Malaysia dan kita antara negara Islam termaju," katanya.

Beliau berkata orang-orang Melayu sepatutnya menumpukan kepada usaha melahirkan golongan yang dapat bersaing di peringkat antarabangsa dan bukannya berkumpul sesama sendiri yang menghadkan pemikiran mereka.

-- BERNAMA

AR ZB